

KAJIAN PENYESUAIAN DIRI PELAJAR PROGRAM ASASI PENGURUSAN UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

Rashidah Mamat

Pusat pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah

Universiti Utara Malaysia

E-mel: shidah@uum.edu.my

Sharifah Binti Ismail

Pusat pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah

Universiti Utara Malaysia

E-mel: sharifah@uum.edu.my

ABSTRAK

Universiti Utara Malaysia (UUM) telah mengambil langkah proaktif dalam usaha meletakkan negara ke tahap yang lebih tinggi dengan menawarkan Program Asasi Pengurusan kepada pelajar cemerlang di peringkat SPM bermula tahun 2014. Langkah ini bertujuan untuk mempercepatkan usaha menambah peratus modal insan yang mempunyai tahap intelektual cemerlang pada usia lebih muda. Sebagai program yang baru pertama kali di tawarkan di universiti ini, banyak isu yang dilihat memberi impak kepada pembangunan pelajar dan kecemerlangan institusi. Salah satu aspek yang wajar diberi perhatian ialah tahap penyesuaian diri (personal adjustment) pelajar Asasi Pengurusan terhadap persekitaran baru di universiti. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti pola dan tahap penyesuaian diri pelajar program Asasi Pengurusan UUM dengan persekitaran universiti dalam usaha merangka strategi pembelajaran berkesan. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif berasaskan instrumen soal selidik yang diadaptasi daripada Penyesuaian Pelajar di Universiti (SSPPU) atau *Student Adaptation to College* (SACQ) yang dibina oleh Baker dan Stryk (1999). Data dikumpulkan melalui pengedaran soal selidik kepada responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar baru Asasi Pengurusan dalam semester pertama pengajian sesi 2015/2016. Tahap penyesuaian diri pelajar asasi di UUM secara keseluruhan menunjukkan tahap sederhana. Begitu juga dari segi dimensi yang terdapat dalam penyesuaian diri (penyesuaian sosial, peribadi-emosi dan komitmen/perapatan institusi) menunjukkan tahap yang sederhana kecuali penyesuaian akademik menunjukkan tahap yang tinggi. Manakala pelajar lelaki lebih menyesuaikan diri dalam kebanyakan aspek berbanding pelajar perempuan. Hasil kajian akan membantu pihak Pusat Pengurusan Asasi untuk membuat penambahbaikan terhadap pengurusan pelajar baru serta mempertingkatkan strategi pengajaran dan pembelajaran berkesan di institusi berkenaan.

Kata kunci: Penyesuaian diri; pelajar Asasi Pengurusan; tahap penyesuaian; strategi pembelajaran berkesan

1. PENGENALAN

Universiti Utara Malaysia (UUM) telah mengambil langkah proaktif dengan menawarkan Program Asasi Pengurusan kepada pelajar cemerlang di peringkat SPM. Langkah ini bertujuan menambah peratus modal insan yang mempunyai tahap intelektual cemerlang pada usia lebih muda. Program Asasi ini juga berfungsi sebagai 'feeder' kepada beberapa program Ijazah Sarjana Muda yang ditawarkan di UUM. Tempoh pengajian program ini ialah selama setahun. Pengambilan pertama pelajar program Asasi Pengurusan UUM telah bermula pada tahun 2014 dengan jumlah pelajar seramai 80 orang. Sebagai program yang baru, banyak isu dilihat memberi impak kepada pembangunan pelajar dan kecemerlangan institusi. Salah satu aspek yang wajar diberi perhatian ialah tahap penyesuaian diri (personal adjustment) pelajar Asasi Pengurusan terhadap persekitaran baru di universiti. Ini kerana kemampuan penyesuaian diri pelajar baharu di universiti berperanan besar dalam menentukan kejayaan mereka. Menurut Zea et al. (1995), kemampuan dan

keberkesanan penyesuaian diri dengan persekitaran universiti boleh memberi impak yang besar terhadap tahap pencapaian dan kecemerlangan dalam pembelajaran. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap penyesuaian diri pelajar program Asasi Pengurusan UUM dengan persekitaran universiti dalam usaha merangka strategi pembelajaran berkesan. Hasil kajian akan membantu pihak Pusat Pengurusan Asasi untuk mempertingkatkan strategi pengajaran dan pembelajaran berkesan kepada pelajar-pelajar baru di institusi berkenaan.

2. METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif berasaskan instrumen soal selidik yang diadaptasi daripada Penyesuaian Pelajar di Universiti (SSPPU) yang dibina oleh Baker dan Siryk (1999). SSPPU mengandungi 68 item dan menggunakan skala Likert 1 hingga 9 yang disusun dari darjah penyesuaian yang paling rendah (1 mata) kepada darjah penyesuaian yang paling tinggi (9 mata). Terdapat empat sub skala utama dalam SSPPU yang memberi fokus kepada empat dimensi penyesuaian iaitu dimensi penyesuaian akademik, penyesuaian sosial, penyesuaian peribadi-emosi, dan komitmen matlamat/perapatan institusi. Data dikumpulkan melalui pengedaran soal selidik kepada pelajar-pelajar baru Asasi Pengurusan dalam semester pertama pengajian sesi 2015/2016.

3. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Majoriti responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada pelajar perempuan (62%) berbanding pelajar lelaki 38% sahaja. Sebahagian besar responden mendapat pendidikan di Sekolah Menengah Kebangsaan (72%). Manakala sekolah berasrama penuh hanya 27%. Selebihnya berasal dari Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) iaitu sebanyak 5% sahaja. Kaedah pengkodan semula bermula daripada nilai terkecil iaitu nilai 1 dan nilai terbesar adalah 9. Dalam bentuk persamaan: $Range = Skor\ tertinggi - Skor\ terendah$. Julat bagi setiap sela kelas adalah: $(9 - 1) / 3 = 2.67$

Jadual 1 menunjukkan skor yang diperolehi dikelaskan mengikut tahap yang telah ditentukan.

Jadual 1: Pembahagian Skor Min Bagi Setiap Tahap

Skor	Penerangan Tahap
1.00 hingga 3.67	Rendah
3.68 hingga 6.35	Sederhana
6.36 hingga 9.00	Tinggi

Kajian ini mendapati tahap penyesuaian diri pelajar Program Asasi Pengurusan di UUM dalam pelbagai aspek secara keseluruhan menunjukkan tahap sederhana dengan peratusan data sebanyak 76%. Manakala hanya 24% daripada jumlah responden menyatakan tahap penyesuaian yang tinggi. Skor min bagi tahap penyesuaian diri pelajar secara keseluruhan ialah 5.41.

3.1 Dimensi Tahap Penyesuaian Akademik

Bagi dimensi tahap penyesuaian diri dari aspek akademik, hasil kajian mendapati pelajar Program Asasi Pengurusan menunjukkan tahap yang tinggi iaitu sebanyak 51%. Secara umumnya pelajar dapat menyesuaikan diri dengan sistem akademik di Pusat Asasi Pengurusan UUM. Dapatan ini

selari dengan kajian oleh Grayson (2003) yang menyatakan bahawa penyesuaian akademik bukan sahaja melibatkan potensi pencapaian pelajar, bahkan ia juga berkaitan dengan tahap motivasi pelajar yang tinggi, mempunyai matlamat yang jelas serta mencari strategi untuk memenuhi keperluan pembelajaran. Antara item-item yang menunjukkan skor min berada pada tahap yang tinggi ialah *mendapatkan ijazah di universiti sangat penting untuk saya* (Min= 8.54), dan *saya sangat berpuas hati dengan tenaga pengajar yang saya ada sekarang dalam kursus ini* (Min= 8.10). Skor yang tinggi berkenaan item tenaga pengajar selari dengan kajian oleh Najib, et.al (2006) yang menyatakan bahawa komunikasi yang berlaku antara pelajar dan pensyarah didapati dapat membantu pelajar menyesuaikan diri dengan keadaan kampus dan pembelajaran. Manakala 49 peratus daripada jumlah pelajar menunjukkan penyesuaian akademik tahap sederhana. Item-item tahap sederhana seperti *baru-baru ini saya mempunyai masalah untuk menumpukan perhatian ketika belajar* (min= 6.05) dan *saya tidak melakukan tugas kerja akademik yang cukup baik kerana jumlah tugas terlalu banyak* (min= 5.45) Berhubung dengan tugas atau beban kerja akademik, skor sederhana menyokong dapatan oleh Najib et.al. (2006) yang mendapati terdapat hubungan yang positif antara beban tugas dengan tekanan akademik. Semakin tinggi beban tugas yang dipikul oleh pelajar semakin tinggi tekanan akademik yang dialaminya.

3.1.2 Dimensi Tahap Penyesuaian Sosial

Sebanyak 63% responden menunjukkan tahap penyesuaian sosial yang sederhana. Hanya 37% orang pelajar menunjukkan tahap yang tinggi. Proses transisi daripada sekolah menengah ke universiti sering memberi cabaran kepada pelajar-pelajar apabila mereka terpaksa berdepan dengan pelbagai masalah (Othman, 2001). Item-item yang menunjukkan tahap skor min sederhana terdiri daripada *saya mengalami kesukaran berasa selesa dengan orang lain di universiti* (min=4.66), dan *saya tidak pernah bercampur dengan jantina yang berlainan* (min=4.21). Skor sederhana bagi tahap penyesuaian sosial yang diperolehi daripada kajian ini selari dengan konsep masalah penyesuaian yang dinyatakan oleh Farris (2010: 2) iaitu “*the problems which students might face with getting involved, making friends, being away from home as well as many others*”. Menurut Farris (2010), dianggarkan satu daripada tiga pelajar menghadapi masalah penyesuaian. Dalam dimensi ini juga terdapat 2 item menunjukkan skor min berada pada tahap yang rendah iaitu item *meninggalkan rumah kesukaran untuk saya sekarang* (min=3.25) dan *saya merasa kesepian di universiti sejak kebelakangan ini* (min=3.31). Min yang rendah ini menunjukkan pelajar-pelajar Asasi Pengurusan UUM tidak begitu terkesan dengan hidup berjauhan daripada keluarga. Hal ini berkemungkinan ada kaitan dengan persekitaran tempat kediaman yang kondusif telah disediakan oleh pihak universiti. Justeru itu, sejauhmana kemampuan pelajar untuk beradaptasi dengan sistem dan budaya yang berbeza di universiti mempengaruhi tahap penyesuaian sosial mereka.

3.1.3 Dimensi Tahap Penyesuaian Peribadi-Emosi

Sebanyak 60% orang pelajar turut menunjukkan tahap yang sederhana. Selebihnya iaitu sebanyak 21% orang pelajar menunjukkan tahap yang tinggi dan 19 peratus adalah tahap yang rendah. Antara item menunjukkan tahap yang tinggi ialah *keadaan kesihatan saya sentiasa baik sejak kebelakangan ini* (min=7.17), dan *selera makan saya sejak kebelakangan ini sentiasa baik* (min=6.56). Dapatan ini bertepatan dengan beberapa dapatan penyelidikan sebelum ini. Semasa fasa transisi daripada alam persekolahan ke peringkat universiti, sering kali membawa kesan yang

signifikan kepada kehidupan pelajar seperti berhadapan dengan masalah kewangan (Bexley et.al.,2013), tekanan emosi dan isu kesihatan (Baik, Nylor & Arkoudis, 2015) serta pembelajaran sendiri dan pengurusan masa (Kyndt,Berghmans, Dochy,&Bulckens,2014). Hal ini disebabkan oleh di peringkat universiti sistem dan budaya pembelajaran adalah berbeza serta pencapaian akademik yang lebih tinggi diperlukan selain perkembangan emosi yang lebih matang berbanding semasa alam persekolahan.

Manakala antara item yang menunjukkan tahap skor min yang sederhana ialah *saya merasa kebimbangan sejak kebelakangan ini* (min=5.59), dan *keadaan tidur saya tidak teratur sejak kebelakangan ini* (min=5.12). Skor min yang sederhana yang ditunjukkan oleh majoriti responden memperlihatkan bahawa pelajar-pelajar mempunyai masalah penyesuaian dari segi peribadi-emosi di Pusat Asasi Pengurusan UUM walau pun tidak serius. Hal ini bukanlah sesuatu yang luar biasa kerana pelajar yang berada dalam fasa transisi lazimnya berasa sukar untuk menghadapi pelbagai tuntutan di tempat baru (Friedlander et.al.,2007). Terdapat beberapa item yang menunjukkan tahap skor min yang rendah bagi dimensi penyesuaian peribadi-emosi seperti, *saya mudah marah sejak akhir-akhir ini* (Min=2.82), *sejak kebelakangan ini saya sering menghadapi sakit kepala* (Min=3.08) dan *berat badan saya baru-baru ini menurun* (Min=3.01). Skor min yang rendah bagi item-item tersebut menunjukkan bahawa pelajar-pelajar di institusi ini masih mampu mengawal emosi, tekanan serta mempunyai keyakinan diri yang tinggi.

3.1.4 Dimensi Tahap Komitmen/Perapatan Institusi

Hasil kajian menunjukkan sebanyak 81% responden menyatakan tahap komitmen/perapatan institusi yang sederhana. Manakala sebanyak 15% orang pelajar menyatakan tahap yang tinggi dan empat peratus menyatakan tahap yang rendah. Secara umumnya jangkaan awal pelajar terhadap universiti yang dipilih banyak mempengaruhi tahap penyesuaian komitmen/perapatan pelajar di institusi berkenaan. Hal ini boleh dilihat kepada item-item yang menunjukkan tahap skor min yang tinggi misalnya *saya gembira mengenai keputusan saya untuk pergi ke universiti* (min=7.76), dan *saya menjangkakan untuk tinggal di universiti ini bagi mendapatkan ijazah* (min=7.52). Dapatan ini selari dengan kajian Gerdes dan Mallinckrodt (1994) yang mendapati pelajar yang mempunyai jangkaan tidak realistik terhadap kehidupan di universiti lebih menghadapi masalah penyesuaian dan cenderung untuk berhenti dari universiti. Sebaliknya pelajar yang mempunyai jangkaan yang munasabah terhadap sistem dan budaya di universiti mampu menjalani kehidupan di kampus dengan lebih baik. Manakala item yang menunjukkan skor min tahap yang rendah terdiri daripada item *baru-baru ini saya telah banyak berfikir untuk keluar dari universiti* (min=3.29), dan *saya harap saya berada di universiti lain* (min=3.47). Berdasarkan skor min yang rendah menunjukkan pelajar-pelajar program Asasi Pengurusan dilihat mempunyai sentiment yang rapat dengan Pusat Asasi Pengurusan UUM. Hal ini berkemungkinan berkait rapat dengan faktor kualiti institusi (Jamelske, 2009).

3.2 Perbezaan di antara Jantina dengan Penyesuaian Diri

Kajian menunjukan bahawa tahap penyesuaian diri pelajar lelaki dan perempuan dalam program Asasi Pengurusan UUM secara keseluruhannya adalah sederhana. Walau bagaimanapun, pelajar perempuan menunjukkan peratusan penyesuaian diri tahap sederhana yang lebih tinggi iaitu 80% berbanding pelajar lelaki iaitu sebanyak 71%. Dapat juga menunjukkan pelajar lelaki (29%), lebih menyesuaikan diri dalam keempat-empat dimensi penyesuaian berbanding pelajar perempuan (20%). Ini selari dengan kajian oleh Elias, Mahyudin dan Uli (2009) yang menyatakan bahawa jantina memainkan peranan penting dalam proses penyesuaian di universiti. Mereka turut

melaporkan bahawa pelajar perempuan sering menghadapi pengalaman lebih sukar untuk menyesuaikan diri dengan kehidupan di universiti kerana mereka lebih cenderung mengalami masalah tekanan emosi berbanding pelajar lelaki. Manakala kajian Suradi (1984) yang mengaitkan keadaan psikologi pelajar yang terhasil daripada gaya asuhan dengan proses penyesuaian kehidupan di kolej mendapati, kebergantungan pelajar lelaki terhadap keluarga adalah kurang berbanding dengan pelajar perempuan. Oleh sebab itu pelajar lelaki mempunyai ketahanan mental dan emosi yang lebih kuat berbanding pelajar perempuan. Hal ini banyak membantu mereka menyesuaikan diri di tempat baru dengan baik.

4. KESIMPULAN

Pengajaran dan pembelajaran di peringkat sekolah dan universiti adalah berbeza. Proses transisi daripada alam persekolahan ke peringkat universiti sering memberi kesan kepada tahap penyesuaian diri pelajar tersebut. Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa tahap penyesuaian diri pelajar-pelajar Program Asasi Pengurusan di Universiti Utara Malaysia adalah sederhana. Keempat-empat dimensi iaitu penyesuaian akademik, penyesuaian sosial, penyesuaian peribadi-emosi dan penyesuaian komitmen/perapatan institusi memperlihatkan wujudnya masalah penyesuaian diri pelajar berkaitan dengan sistem dan budaya baru di universiti. Walaupun pola penyesuaian itu tidak menunjukkan tahap permasalahan yang serius, namun pihak pengurusan universiti khususnya Pusat Asasi Pengurusan perlu sentiasa peka dengan permasalahan baru yang mungkin wujud. Pemantauan yang berterusan terhadap kualiti kemudahan dan program sokongan yang bersesuaian juga perlu dirancang untuk pelajar. Hal ini kerana bukan sahaja faktor transisi, perkembangan semasa juga sering membawa perubahan dalam sistem di universiti yang berkemungkinan mengubah situasi dan corak pembelajaran dan pengajaran pada hari ini.

5. RUJUKAN

- Baik, C., Naylor, R., & Arkoudis, S. (2015). The first year experience in Australian universities: Findings from two decades, 1994-2014. Dimuat turun dari http://melbourne-cshe.unimelb.edu.au/_data/assets/pdf_file/0016/1513123/FYE-2014-FULL-report-FINAL-web.pdf
- Baker, R. W., & Siryk, B. (1999). Student Adaptation to College Questionnaire. Los Angeles: Western Psychological Services. *PsycTESTS Dataset*.
- Bexley, E., Daroesman, S., Arkoudis, S., & James, R. (2013). University student finances in 2012: A study of the financial circumstances of domestic and international students in Australia's universities. Dimuat turun dari http://melbourne-cshe.unimelb.edu.au/_data/assets/pdf_file/0008/1714715/StudentFinances2012.pdf
- Elias, H., Mahyuddin, R., & Uli, J. (2009). Adjustment amongst first year students in a Malaysian university. *European Journal of Social Sciences*, 8(3), 494-505.
- Farris, A. (2010). The freshmen adjustment process: Commuter life versus residence life. Unpublished master's thesis, California State University, Sacramento.
- Friedlander, L., Reid, G., Shupak, N., & Cribbie, R (2007). Social support, self-esteem, and stress as predictors of adjustment to university among first year undergraduates. *Journal of College Student Development*, 48(3), 259-274.

- Grayson, J. (2003). The consequences of early adjustment to university. *Higher Education*, 46, 411-429. Dimuat turun dari www.springerlink.com/index/RJX8P24JU712M854.pdf
- Jamelske, E. (2009). Measuring the impact of a university first-year experience program on student GPA and retention. *A Journal of Higher Education*, 57, 373-391.
- Kyndt, E., Berghmans, I., Dochy, F., & Bulckens, L. (2014). 'Time is not enough.' Workload in higher education: a student perspective. *Higher Education Research & Development*, 33(4), 684-698. doi: 10.1080/07294360.2013.863839
- Najib Ahmad Marzuki, Che Su Mustaffa, ZarinaMat Saad dan Suhanim Abdullah (2006), Senario Masalah Pelajar Universiti Utara Malaysia, *Jurnal Pembangunan Sosial* 9 (6), 33-60.
- Othman Md Johan. (2001). Students Behaviour Problem : An Attempt to Understand the Causes. *Jurnal Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia, 7, 75-88.
- Suradi Salim. 1984. Adjustment Problems of Malaysian Students At Western Michigan University. Ann Arbor: University Microfilms International.
- Zea, M. C., Jarama, S. L. & Bianchi, F. T. 1995. Social support and psychosocial competence: explaining the adaptation to college of ethnically diverse students. *American Journal of Community Psychology*, 23(4), 509-531.